



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	29/12/2018

Kemeja-T Tun M curi tumpuan ^{ms:7}

BH - 29/12/2018

Putrajaya: Kemeja-T memaparkan wajah Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad antara yang mencuri tumpuan ketika Perhimpunan Agung Tahunan (PAT) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) kali kedua berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini.

Peniaga, Mohd Fairuz Azzrin Mohd Zain, 37, berkata walaupun persidangan belum berlangsung secara rasmi, baju berkenaan kini hanya tinggal 50 helai.

Katanya, baju itu dijual pada harga RM30 untuk dewasa dan RM20 untuk saiz kanak-kanak.

"Saya menjual baju corak figura Tun M sejak 2016 lagi, ada antara baju ini saya bawa sepanjang jelajah ceramah ketika Pilihan Raya Umum Ke-14 yang lalu.

"Dari segi rekaan pula, saya curahkan idea kepada rakan dan dia yang merealisasikannya di atas kemeja-T ini," katanya kepada NSTP, di sini, semalam.

PAT BERSATU dijangka dihadiri kira-kira 3,000 perwakilan membabitkan 135 bahagian di seluruh negara termasuk wakil ARMADA daripada 115 bahagian dan wakil SRIKANDI daripada 98 bahagian.

Dr Mahathir selaku Pengerusi BERSATU dijangka merasmikan persidangan berkenaan, malam ini.

Tahun lalu, perhimpunan berkenaan diadakan pada 30 Disember 2017 di Pusat Konvensyen Ideal, Shah Alam. Perhimpunan kali kedua ini adalah perhimpunan agung pertama BERSATU sebagai parti komponen kerajaan selepas Pakatan Harapan memenangi PRU-14 pada 9 Mei lalu.

